A

Pendakwa Raya lwn Shariffah bte Syed Hashim

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PERBICARAAN JENAYAH NO PCT 45–39 TAHUN 2002

B BALIA YUSOF H

26 APRIL 2006

C *Acara Jenayah — Hukuman — Milikan dadah berbahaya — Tertuduh mengaku bersalah — Faktor-faktor yang dipertimbangkan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 6*

D Tertuduh dalam kes ini telah mengaku salah terhadap suatu pertuduhan pindaan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki dadah berbahaya kanabis seberat 739g yang membawa hukuman di bawah s 39A(2)(f) Akta yang sama. Di dalam rayuan tertuduh sebelum hukuman dijatuhkan, peguamnya telah memberitahu mahkamah bahawa tertuduh berumur 38 tahun mempunyai dua orang anak yang masih bersekolah dan beliau bekerja sebagai jurujual kereta. Semenjak beliau ditangkap anak-anaknya telah dipelihara oleh ibunya dan kedua ibu bapanya

E adalah uzur. Tertuduh juga adalah merupakan pesalah pertama dan tidak mempunyai sebarang rekod jenayah. Timbalan Pendakwa Raya telah mengesahkan bahawa tertuduh tidak mempunyai sebarang rekod jenayah sebelum ini dan memohon supaya Mahkamah mengambil kira kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman.

F

Diputuskan:

(1) Memang tidak dapat dinafikan hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh yang telah mengaku salah ini hendaklah diberikan diskaun dan mengikut apa

G yang diputuskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Abdullah Ang Swee Keng v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 diskaun yang boleh dipertimbangkan di dalam kes sedemikian adalah di antara satu perempat dan satu pertiga dari hukuman yang akan dikenakan. Diskaun yang diberikan itu bukanlah ke atas hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi adalah

H di atas hukuman yang akan dikenakan ke atas tertuduh sekiranya tertuduh dibicarakan sepenuhnya dan didapati bersalah (lihat: perenggan 10); *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 dan *Abdullah Ang Swee Keng v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 diikut.

(2) Hukuman yang wajar dikenakan terhadap tertuduh hendaklah merupakan

I suatu hukuman yang berunsurkan pencegahan dan dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada tertuduh. Dalam pada itu hukuman tersebut hendaklah juga merupakan suatu hukuman yang dapat memberikan peluang pemulihan dan rehabilitasi kepada tertuduh. Proses rehabilitasi di dalam penjara memerlukan masa dan sekiranya sesuatu hukuman itu terlalu pendek, proses tersebut mungkin tidak dapat dilakukan dan memberikan apa-apa

kesan. Dalam masa yang sama juga hukuman penjara yang terlalu lama juga akan menimbulkan kesan negatif dan mungkin akan menjadikan seseorang pesalah itu sebagai 'hard core criminal' kelak (lihat perenggan 10).

(3) Mahkamah ini perlu mengambil kira bahawa apa-apa kesalahan mengenai dadah adalah merupakan kesalahan yang amat dibenci oleh masyarakat dan usaha kerajaan untuk memerangi masalah ini akan menjadi sia-sia sekiranya mahkamah tidak menunjukkan pendirian yang tegas di dalam menghukum pesalah-pesalah jenayah dadah. Di dalam menimbangkan hukuman yang sesuai dan wajar yang dikenakan kepada tertuduh, mahkamah ini juga mengambil kira jenis dan amaun dadah yang dimiliki oleh tertuduh. Berdasarkan kepada fakta-fakta ini dan alasan-alasan yang disebutkan di atas, mahkamah ini mendapati bahawa hukuman yang wajar dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh di dalam kes ini adalah hukuman penjara selama tujuh tahun berkuat kuasa mulai daripada tarikh tertuduh ditangkap bagi kesalahan ini (lihat perenggan 11).

[English summary

The accused in this case pleaded guilty to an amended charge under s 6 of the Dangerous Drugs Act 1952 for possession of cannabis weighing 739g, punishable under s 39A(2)(f) of the same Act. In mitigation before sentencing, the counsel for the accused informed the court that the accused aged 38 years, has two school-going children and was working as a car salesperson. Since her arrest, her children were looked after by her elderly parents. This is her first offence and she had no prior criminal record. The Deputy Public Prosecutor confirmed that the accused had no prior criminal record but asked the court to take into account public interest in sentencing.

Held:

(1) It cannot be denied that the sentencing of an accused who pleaded guilty should be given a discount as was decided in the Supreme Court case of *Abdullah Ang Swee Keng v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 where the discount that can be considered in such cases is one-quarter and one-third of what otherwise would have been the sentence. The discount given is not on the maximum sentence imposed by law but rather on a sentence which would have been imposed on the accused if he had claimed trial and been found guilty (see para 10); *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 and *Abdullah Ang Swee Keng v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 followed.

(2) The sentence that ought to be imposed on the accused must be a deterrent sentence that will make the accused become aware and repent. Therefore, the said sentence must be a sentence that will give a chance to the accused to recover and rehabilitate. The process of rehabilitation in prison requires time and if the sentence is too short, the process may not be carried out with any effect. In the same context, if the sentence is too long, it will give rise to negative effect and may turn the convict into a hard core criminal (see para 10).

(3) The court needs to take into account that any offence relating to drugs is much hated by the public and the government's effort to stamp out the problem may be wasted if the court did not take a firm stand in such offences. In considering a proper and fit sentence against the accused, the court must also take into account the type and weight of the drugs possessed by the accused. Based on these factors and grounds as stated above, the court decided that the proper and appropriate sentence for the offence committed by the accused in this case is imprisonment of seven years effective from the date the accused was arrested for this offence (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai milikan dadah berbahaya, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) paras 3348–3355, 3662–3666.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Ang Swee Keng v PP [1988] 1 MLJ 167 (diikut)
New Tuck Shen v PP [1982] 1 MLJ 27 (dirujuk)
PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45 (diikut)
R v Kenneth John Ball (1951) 35 Cr App R 164 (dirujuk)
Tan Kay Chen v PP [2000] 4 CLJ 492 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 6, 37A(1)(b), 39A, 39B(1)(a)
Kanun Prosedur Jenayah s 173(m)(ii)

Mohd Dusukibin Mokhtar (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwa raya.
Naran Singh (Naran Singh & Co) bagi pihak tertuduh.

Balia Yusof H:

[1] Tertuduh dalam kes ini telah dihadapkan dengan suatu pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Kes terhadap tertuduh telah dibicarakan secara bersama dengan suatu kes yang lain iaitu kes Perak Criminal Trial No 45–15–2003. Kes tersebut melibatkan suami tertuduh dan adalah di atas pertuduhan yang sama dan berbangkit dari fakta dan transaksi yang sama. Walau bagaimanapun setelah mendengar keterangan yang dikemukakan oleh dua orang saksi dari pihak pendakwaan, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah mengemukakan pertuduhan pindaan terhadap kedua-dua tertuduh di bawah s 6 ADB yang membawa hukuman di bawah s 39A Akta yang sama. Pertuduhan pindaan yang dimaksudkan adalah berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 15 Februari 2002, lebih kurang jam 5.30 petang di rumah No 34, Persiaran Wira Jaya Timur 13, Taman Cemerlang Indah, Ipoh di dalam Daerah Kinta di dalam Negeri Perak, bukan sebagai seorang yang diberikuasa di bawah ss 4, 5 dan 7 Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) telah didapati memiliki dadah berbahaya itu kanabis:seberat 73g dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum di bawah s 39A(2)(f) Akta yang sama.

[2] Tertuduh dalam kes ini telah mengaku salah terhadap pertuduhan pindaan yang dikemukakan manakala suaminya tertuduh di dalam kes PCT 45–15–2003 telah tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan. Mahkamah seterusnya telah menetapkan tarikh yang lain bagi pendengaran kes PCT 45–15–2003 dan seterusnya telah meneruskan kes terhadap tertuduh di dalam kes ini.

[3] Tertuduh di dalam pengakuan salahnya kepada pertuduhan pindaan tersebut juga mengaku faham akan sifat dan akibat pengakuan salahnya. Fakta ringkas kes adalah seperti di dalam eksh P 4 yang mana mengatakan bahawa pada 15 Februari 2002 jam lebih kurang pukul 3.00 petang, pengadu kes iaitu C/Insp Ahmad Yanee bin Nazir dari Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Kontinjen Polis Perak ('IPK') telah menerima satu maklumat berkait dengan kegiatan pengedaran dadah di kawasan bangunan Megoplex, Kampung Rapat, Ipoh, Berikutan daripada maklumat tersebut, pengadu telah mengadakan satu taklimat bersama beberapa orang pegawai dan anggota Jabatan Narkotik IPK Perak di pejabatnya. Taklimat diadakan bagi tujuan untuk menangkap suspek yang dikatakan terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah tersebut. Satu serbuan telah dirancang untuk menangkap suspek tersebut di kawasan bangunan Megoplex berkenaan. Pada jam lebih kurang pukul 5.00 petang, pengadu telah nampak sebuah motokar jenis Proton Wira Aeroback nombor pendaftaran WDH 965 yang dipandu oleh seorang wanita telah datang dari arah belakang bangunan Megoplex dan memberhentikan keretanya di situ. Wanita tersebut nampak seolah-olah hendak menunggu seseorang. Tanpa berlengah-lengah, pengadu dan anggota pasukannya telah menghampiri kereta tersebut dan mengenalkan diri sebagai 'Polis' kepada wanita berkenaan. Pengadu kemudiannya telah members amaran di bawah s 37A(1)(b) ADB sambil anggota-anggota yang lain membuat pemeriksaan ke atas kereta tersebut. Namun mereka tidak menjumpai apa-apa barang salah. Setenusnya pengadu telah menjalankan soal-siasat ke atas wanita tersebut yang bernama Shariffah binti Syed Hashim (tertuduh) dan hasil dari soal-siasat tersebut, tertuduh telah memberi maklumat tentang penyimpanan dadah di rumahnya. Tertuduh telah membawa pasukan polis ke rumahnya yang beralamat di No 34, Persiaran Wira Jaya Timur 13, Taman Cemerlang Indah, Ipoh. Apabila sampai di rumah tersebut, tertuduh telah membawa pengadu dan pasukannya masuk ke dalam rumah tersebut. Tertuduh seterusnya telah membawa mereka ke dalam sebuah bilik di tingkat atas rumah berkenaan. Pintu bilik tersebut adalah berkunci dan ianya dibuka oleh pengadu dengan menggunakan satu kunci yang diambil dari dalam beg tangan tertuduh. Apabila mereka masuk ke dalam, tertuduh telah mengambil sebuah beg galas yang terletak di dalam sebuah kotak dan menyerahkan kepada pengadu. Pengadu telah memeriksa beg tersebut dan mendapati di dalamnya mengandungi satu ketulan besar mampat bahan tumbuhan yang ada kesan dipotong dan dua ketulan kecil mampat bahan tumbuhan yang kesemuanya dibalut dengan plastik lutsinar yang disyaki dadah ganja. Beg dan ketulan-ketulan bahan tumbuhan mampat tadi telah dirampas oleh pengadu. Kesemua ketulan bahan tumbuhan mampat yang dirampas telah dihantar ke Jabatan Kimia, Ipoh, Perak untuk dianalisa. Ahli kimia telah mengesahkan bahawa tumbuhan mampat tersebut adalah kanabis seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 ADB 1952 seberat 739g.

[4] Fakta kes yang dikemukakan telah diakui benar oleh tertuduh dan barang-barang kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan juga telah diakui oleh

tertuduh. Saya telah menerima pengakuan salah tertuduh dan seterusnya telah mensahitkan tertuduh ke atas pertuduhan pindaan yang dikenakan terhadapnya.

[5] Di dalam rayuan tertuduh sebelum penjatuhan hukuman, peguambelanya telah memberitahu mahkamah bahawa tertuduh berumur 38 tahun mempunyai dua orang anak yang masih bersekolah dan beliau bekerja sebagai jurujual kereta. Semenjak beliau ditangkap anak-anaknya telah dipelihara oleh ibunya dan kedua ibu bapanya adalah uzur. Tertuduh juga telah mengaku insaf dan mohonkan kemaafan dari mahkamah. Tertuduh sedar anak-anaknya memerlukan kasih sayang serta bimbingan ibu bapa. Tertuduh juga adalah merupakan pesalah pertama dan tidak mempunyai sebarang rekod jenayah.

[6] Di dalam hujahan balasnya Timbalan Pendakwa Raya telah mengesahkan bahawa tertuduh tidak mempunyai sebarang rekod jenayah sebelum ini dan memohon supaya mahkamah mengambil kira kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman. Mengikut pandangan beliau, kepentingan awam adalah amat mustahak dan menyatakan hukuman berbentuk mencegah adalah sesuai dalam kesalahan seperti ini.

[7] Di dalam menimbangkan apakah hukuman yang sesuai dan berpatutan yang harus dijatuhkan ke atas tertuduh di dalam kes ini saya telah menimbangkan berbagai-bagai faktor yang seharusnya diberi pertimbangan. Seperti yang dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana, kepentingan awam adalah merupakan salah satu faktor utama yang perlu diberi penekanan oleh sesebuah mahkamah. Kepentingan awam mengkehendaki supaya hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja boleh menjadi pengajaran kepada tertuduh dan mencegah tertuduh dari melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan bahkan juga bagi mencegah Iain-lain anggota masyarakat dari melakukan kesalahan yang serupa. Seperti kata Hilbery J di dalam kes *R v Kenneth John Ball* (1951) 35 Cr App R 164:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations.
>
> The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within the maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

[8] Faktor kepentingan awam adalah bergantung kepada keadaan sesuatu kes. Hakim Wah Yahya di dalam kes *New Tuck Shen v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 27 ada menjelaskan di ms 30–31 seperti berikut:

… Public interest varies according to time, place and circumstances of each case including its nature and prevalence. What may be of public interest in one place may differ from another. Similarly inducement to turn from criminal ways into honest living can take several forms and will have to depend to grater extent on the attitude of the offender and his suitability for any particular type of reformation.

[9] Berdasarkan kepada prinsip yang dijelaskan oleh hakim berkenaan mahkamah ini mengambil pendekatan bahawa kesesuaian sesuatu hukuman yang dijatuhkan itu adalah bergantung kepada berbagai-bagai perkara dan pertimbangan yang harus diambil kira oleh mahkamah selain daripada kepentingan awam. Berbagai faktor lain harus diberi pertimbangan. Seperti kata Augustine Paul H di dalam kes *Tan Kay Chen v Public Prosecutor* [2000] 4 CLJ 492 pada ms 496 dalam memperkatakan tentang peruntukan s 173(m)(ii) Kanun Prosedur Jenayah:

The phrase 'pass sentence according to law' in the subsection means that the sentence imposed must not only be within the ambit of the punishable section but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles (See: *Re Chang Cheng Hoe & Ors* [1966] 2 MLJ 252, *PP v Jaafar Daud* [1981] 1 MLJ 315, *Philip Lau Chee Heng v PP* [1988] 3 MLJ 107). The assessment of a sentence in accordance with judicial principles clearly contemplates, inter alia, a consideration of the mitigating circumstances in favour of the person to be sentenced. It is generally accepted that an accused person should be given credit or discount for pleading guilty (See: *Sau Soo Kim v PP* [1975] 2 MLJ 134, *PP v Sulaiman b. Ahmad* [1933] 1 MLJ 74, *PP v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45). However, it is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in an appropriate case (See: *Zaidon Shariff v PP* [1996] 4 CLJ 441, *Lee Say & Ors v PP* [1985] 2 CLJ 155). The severity of the offence may outweigh the mitigating effect of a guilty plea (See: *Loh Hock Seng v. PP* [1980] 2 MLJ 13, *PP v Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 MLJ 247). Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of a guilty plea must also give way (See: *Sim Gek Yong v PP* (1995) 1 SCR 537, *R v Costen* (1989) 11 Cr app R (s) 182). Thus, there can be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment. (See: *PP v Govindan Clinden Nair* [1998] 2 CLJ 370). Be that as it may, as I said earlier it must not be overlooked that the general rule is that an accused should be given a lesser punishment for pleading guilty. There can, as I have said, be a departure from this general rule. However, there must be good reasons for doing so.

[10] Di dalam menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh di dalam kes ini, mahkamah telah mengambil kira pengakuan salah yang dibuat olehnya. Pengakuan salah oleh tertuduh telah banyak menjimatkan perbelanjaan perbicaraan yang berlarutan dan juga menjimatkan masa dan mengelakkan banyak kepayahan kepada banyak pihak terutamanya saksi-saksi yang akan dipanggil sekiranya perbicaraan penuh kes terhadap tertuduh diteruskan. Memang juga tidak dapat dinafikan hukuman yang dikenakan terhadap tertuduh yang telah mengaku salah ini hendaklah diberikan diskaun dan mengikut apa yang diputuskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Abdullah Ang Swee Keng v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 diskaun yang boleh dipertimbangkan di dalam kes sedemikian adalah di antara satu perempat dan satu pertiga dari hukuman yang akan dikenakan. Diskaun yang diberikan itu bukanlah ke atas hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi adalah di atas hukuman yang akan dikenakan ke atas tertuduh sekiranya tertuduh dibicarakan sepenuhnya dan didapati bersalah (sila lihat *Public Prosecutor v*

Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45). Mahkamah ini mendapati bahawa setelah mengamati faktor-faktor yang dikemukakan oleh peguambela tertuduh seperti umur dan latar belakang tertuduh dan juga memandangkan kepada faktor dan keadaan perlakuan jenayah yang dilakukan oleh tertuduh di dalam kes ini memungkinkan tertuduh menikmati faedah diskaun kepada hukuman yang akan dijatuhkan ke atasnya. Tertuduh mempunyai dua orang anak yang masih bersekolah dan sudah semestinya memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Suami tertuduh juga telah dihadapkan dengan pertuduhan yang sama dan di atas fakta yang sama dan masih lagi di dalam tahanan menunggu hari perbicaraan. Hukuman penjara yang terlalu panjang adalah tidak sesuai memandangkan perkara ini akan memudaratkan banyak pihak lain iaitu anak-anak tertuduh dan kedua ibu bapanya yang uzur yang kini dipertanggungjawabkan bagi menjaga anak-anak tertuduh. Mahkamah juga mengambil kira bahawa pengakuan salah tertuduh adalah konsisten dengan pengakuannya di mahkamah bahawa beliau telah sedar dan insaf tentang kesalahan yang dilakukannya dan beliau juga bertanggungjawab di atas kesalahan tersebut hukuman yang wajar dikenakan terhadap tertuduh hendaklah merupakan suatu hukuman yang berunsurkan pencegahan dan dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada tertuduh. Dalam pada itu, hukuman tersebut hendaklah juga merupakan suatu hukuman yang dapat memberikan peluang pemulihan dan rehabilitasi kepada tertuduh. Proses rehabilitasi di dalam penjara memerlukan masa dan sekiranya sesuatu hukuman itu terlalu pendek, proses tersebut mungkin tidak dapat dilakukan dan memberikan apa-apa kesan. Dalam masa yang sama juga hukuman penjara yang terlalu lama juga akan menimbulkan kesan negatif dan mungkin akan menjadikan seseorang pesalah itu sebagai 'hard core criminal' kelak. Mengulangi kata-kata Hilbery J di dalam kes *R v Kenneth John Ball*, 'the public interest is indeed served and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living'. Tertuduh adalah pesalah pertama dan tidak mempunyai sebarang latar belakang jenayah. Ini juga mendorong Mahkamah untuk member! pertimbangan yang sewajarnya. Bercakap mengenai hukuman penjara yang panjang, Cross di dalam tulisannya, *The English Sentencing System* (3rd Ed) pada ms 141 mengingatkan bahawa 'prolonged and repeated imprisonment is destructive of family relationships and, by encouraging the prisoner's identification with attitudes of the prison community, increases his alienation for normal society. In addition, institutionalisation is all too likely to destroy a prisoner's capacity for individual responsibility and increase the problems he must face when he returns to society'.

[11] Mahkamah ini juga memang sedar dan amat prihatin bahawa kesalahan mengedar dadah adalah merupakan suatu jenayah yang amat serius yang mana tertuduh telah dipertuduhkan pada asalnya. Walau bagaimanapun pertuduhan tersebut telah dipinda kepada pemilikan. Walaupun pertuduhan memiliki dadah ini adalah tidak seserius pertuduhan mengedar dadah, mahkamah ini perlu mengambil kira bahawa apa-apa kesalahan mengenai dadah adalah merupakan kesalahan yang amat dibenci oleh masyarakat dan usaha kerajaan untuk memerangi masalah ini akan menjadi sia-sia sekiranya mahkamah tidak menunjukkan pendirian yang tegas di dalam menghukum pesalah-pesalah jenayah dadah. Di dalam menimbangkan hukuman yang sesuai dan wajar yang dikenakan kepada tertuduh, mahkamah ini juga mengambil kira jenis dan amaun dadah yang dimiliki oleh tertuduh. Berdasarkan kepada fakta-fakta ini dan alasan-alasan yang disebutkan di atas, mahkamah ini mendapati bahawa hukuman yang wajar dan setimpal dengan

kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh di dalam kes ini adalah hukuman penjara selama tujuh tahun dan hukuman tersebut hendaklah berkuatkuasa mulai daripada tarikh tertuduh ditangkap bagi kesalahan ini.

Hukuman penjara tujuh tahun berkuat kuasa daripada tarikh tangkapan tertuduh.

Reported by Sally Kee